

# Hospital disaran pasang kelambu

» Kaedah pengasingan pesakit lindungi penularan wabak

Oleh Syalikhah Sazili  
syalikhah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**H**ospital di seluruh negara disaran menggunakan kembali kaedah pengasingan pesakit denggi dengan memasang kelambu bagi mengelakkan penularan penyakit itu yang berpunca daripada gigitan nyamuk Aedes.

Ini berikutan peningkatan kes denggi yang menyebabkan kematian mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Fakulti Perubatan dan

Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Latiffah Latiff, berkata denggi mempunyai empat jenis flavivirus, iaitu DEN-1, DEN-2, DEN-3 serta DEN-4 dan masing-masing mampu menyebabkan denggi berdarah.

“Menerusi kaedah yang dipelajari, doktor seharusnya mengasingkan pesakit denggi dengan memasang kelambu bagi melindungi pesakit daripada digigit nyamuk.

## Perlu langkah pencegahan

“Peningkatan virus ini berlaku apabila kaedah itu tidak dipraktikkan, sekali gus nyamuk yang membawa virus terbabit mampu menyebarkan penyakit menerusi gigitan kepada orang lain,” katanya ketika dihubungi *BH Ahad*, semalam.

Dr Latiffah yang pernah dijangkiti virus terbabit berkata orang ramai perlu mengambil

langkah pencegahan dengan memakai pakaian yang menutup badan secara menyeluruh bagi mengelakkan diri daripada digigit nyamuk, selain menggunakan ubat penghalau nyamuk yang kini boleh didapati dalam pelbagai bentuk, termasuk pelekat.

“Kita khuatir jika pesakit berada di peringkat kritikal, iaitu denggi berdarah. Serangan virus denggi akan menyebabkan sistem pendarahan manusia terganggu, sekali gus mengakibatkan pendarahan dalaman yang serius.

“Pendarahan dalaman akan lebih parah jika ia memabitkan pendarahan dalam kepala serta perut dan ia boleh membawa maut,” katanya.

Beliau berkata, nyamuk Aedes yang membawa virus ini juga mempunyai dua jenis iaitu, *Aedes Aegypti* yang habitatnya di dalam rumah dan *Aedes Albopictus* yang



## INFO

### Aedes Aegypti

► Mempunyai tanda putih-perak bentuk kecapi di kepala.

► Nyamuk jenis ini berterbangan di sekitar rumah dan tinggal di tempat gelap di dalam rumah.

► Ia bertelur dan berkembang biak di dalam bekas buatan di dalam dan di luar rumah.

### Aedes Albopictus

► Mempunyai garisan putih-perak di sepanjang pertengahan kepala dan badan.

► Di kesan di kawasan perumahan di bandar, kebun dan hutan.

► Ia biasa di luar rumah dan pada tumbuh-tumbuhan dan menggigit manusia di luar rumah.

sering dikesan di luar rumah seperti perumahan di bandar, kebun dan hutan.

“Selain habitat berbeza, *Aedes Aegypti* boleh dikenali dengan tanda putih-perak berbentuk ke-

capi di kepalanya.

“Justeru, orang ramai yang ada simptom denggi dinasihatkan segera ke klinik atau hospital bagi mendapatkan pemeriksaan lanjut,” katanya.